

**KELAS TAJWID DAN BIMBINGAN RAKAN  
UNTUK MENINGKATKAN PENGUASAAN HUKUM NUN MATI DAN  
TANWIN BAGI SISWA GURU PROGRAM PERSEDIAAN IJAZAH  
SARJANA MUDA PERGURUAN DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU  
KAMPUS ILMU KHAS KUALA LUMPUR**

*TAJWID CLASSES AND PEER GUIDANCE TO ENHANCE THE MASTERY OF THE NUN MATI  
AND TANWIN RULES FOR UNDERGRADUATE TEACHERS FROM THE TEACHER'S  
PREPARATORY PROGRAMME OF BACHELOR DEGREE IN TEACHING (PPISMP) AT INSTITUT  
PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS KUALA LUMPUR*

<sup>1</sup>Zahiah binti Haris @ Harith (PhD)

<sup>2</sup>Mustapha Kamal bin Ahmad Kassim (PhD)

Institut Pendidikan Guru Kampus Khas

<sup>1</sup>[zahiah@ipgkik.edu.my](mailto:zahiah@ipgkik.edu.my)

<sup>2</sup>[mustapha.kamal@ipgkik.edu.my](mailto:mustapha.kamal@ipgkik.edu.my)

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi siswa guru terhadap aktiviti kelas tajwid dan bimbingan rakan dapat meningkatkan penguasaan hukum nun mati dan tanwin bagi siswa guru Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK). Kajian ini melibatkan temu bual seramai enam orang siswa guru PPISMP, IPGKIK yang terdiri daripada dua orang lelaki dan empat orang perempuan. Mereka merupakan siswa guru PPISMP semester satu, ambilan Julai 2018. Data dianalisis secara kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Hasil temu bual dianalisis secara kualitatif untuk mengenal pasti tema-tema yang wujud untuk menjawab persoalan-persoalan kajian tersebut. Dapatan kajian ini mendapati terdapat tiga faktor dapat meningkatkan penguasaan hukum nun mati dan tanwin melalui aktiviti kelas tajwid dapat menambah ilmu tentang hukum nun mati dan tanwin, membantu untuk membaca al-Quran dengan betul dan manakala terdapat lima faktor dapat meningkatkan penguasaan hukum nun mati dan tanwin melalui aktiviti bimbingan rakan iaitu dapat membetulkan bacaan al-Quran, belajar cara menggunakan hukum tajwid dengan betul, mengingat hukum tajwid bersama, bertanya soalan dan penerangan tentang hukum tajwid beserta contoh daripada rakan dan merapatkan hubungan dan selesa untuk belajar bila-bila masa.

*Kata Kunci:* hukum nun mati dan tanwin, kelas tajwid, bimbingan rakan

**ABSTRACT**

*The purpose of this study is to examine the perceptions of undergraduate teachers towards 'tajwid' classes' activities and their guidance to enhance the mastery of the rules of 'nun mati' and 'tanwin' for the undergraduate teachers from the Teacher's Preparatory Programme of Bachelor Degree in Teaching (PPISMP) in IPGKIK. This study involved an interview of six PPISMP undergraduate teachers of IPGKIK consisting of two men and four women. They are in the first semester of PPISMP undergraduate teachers, July 2018 intake. The data were qualitatively analysed using case study methods. The findings show that there were three factors that could increase the mastery of the law of 'nun mati' and 'tanwin' through the activities of the 'tajwid' classes while there were five factors that would increase the mastery of the law of 'nun mati' and 'tanwin' through their peer guidance activities. The findings showed that there were three factors that could improve the mastery of the law of 'nun mati' and 'tanwin' through tajweed class activity in which this could increase the knowledge*

*of 'nun mati' and 'tanwin', helping to recite the Quran correctly and there were five factors that could build up the mastery of the law of 'nun mati' and 'tanwin' through peer support activity in which this could help in improving the recitation of Quran, learning how to use the tajwid rules correctly, memorising the tajweed rules together, asking questions, getting explanation with examples from friends, improving the relationship, and creating a comfortable learning atmosphere anytime.*

*Keywords:* the law of 'nun mati' and 'tanwin', 'tajwid' classes, peer guidance activities

## **Pengenalan**

Isu penguasaan bacaan al-Quran amat bertepatan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Yakub @ Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff dan Saidi bin Mohd (2008) yang mendapati masalah kelemahan pelajar dalam bacaan al-Quran sudah lama berlarutan dan masih belum selesai. Di sekolah rendah, menengah, kolej atau institusi-institusi pengajian tinggi sebenarnya masih terdapat pelajar yang menghadapi masalah menguasai bacaan al-Quran yang bertepatan dengan kaedah tajwid, makhraj, sifat dan fasahah yang sempurna. Sekiranya tiada usaha untuk mengatasi masalah yang masih berterusan ini, dikhuatiri akan menjejaskan prestasi dan kualiti umat Islam seluruhnya yang bakal menerajui kepimpinan pada masa hadapan.

Kajian yang dijalankan oleh Farehan Mohd Hani (2000) dan Sarin bin Talib (1995) pula mendapati pengajaran al-Quran di sekolah-sekolah hanya mementingkan hukum tajwid secara teori, buku teks pula tidak berkesan yang menyebabkan pelajar lemah dalam pembacaan al-Quran.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Nur Zahin Kasnin dan Sharifah Raihan Syed Jaafar (2017) menjelaskan kitab suci al-Quran merupakan sebuah kitab yang memiliki kesempurnaan dari segala aspek sama ada dari segi maknanya mahupun hukum-hukum bacaannya. Sehingga kini al-Quran masih dipelihara dan dijadikan pedoman oleh seluruh umat Islam di dunia. Selain memiliki bahasa yang tinggi, keindahan al-Quran juga dapat dilihat dari segi hukum bacaannya yang disebut sebagai hukum tajwid. Keindahan lantunan bacaan al-Quran ini dapat dilihat apabila wujudnya penyatuan bunyi-bunyi huruf al-Quran yang dialunkan mengikut hukum bacaannya yang betul. Namun, pembahagian dalam hukum-hukum tajwid yang perlu diterapkan dalam pembacaan al-Quran begitu meluas. Dalam pembelajaran ilmu tajwid, pengklasifikasian bagi setiap hukum terbahagi kepada beberapa bahagian kecil. Setiap hukum-hukum tersebut juga memperlihatkan proses dan cara bacaan yang berbeza-beza walaupun ia hadir dalam satu kelompok hukum yang sama.

## **Penyataan Masalah**

Berdasarkan pengalaman pengkaji semasa mengajar kursus Pendidikan Islam, didapati terdapat beberapa orang siswa guru yang mutu bacaan al-Quran dalam kalangan mereka masih tidak menepati hukum tajwid. Mutu bacaan al-Quran amat berkait rapat dengan penguasaan hukum nun mati dan tanwin yang merupakan hukum asas dan paling banyak dalam al-Quran.

Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menjalankan kajian rintis untuk mendapatkan data terperinci bagi mendapatkan maklumat tentang penguasaan hukum nun mati dan tanwin dalam kalangan siswa guru semester 1, PPISMP ambilan Julai 2018. Tujuan kajian rintis ini dijalankan untuk mengenalpasti siswa guru yang tidak menguasai hukum nun mati dan tanwin agar menjadi sampel kajian ini. Soal selidik *google form* yang bertajuk "Penguasaan Hukum Nun Mati dan Tanwin" (lampiran A) yang diedarkan melalui *WhatsApp* dengan memberi alamat *google form* tersebut untuk memudahkan siswa guru tersebut menjawab secara *online*. Seramai 74 orang siswa guru daripada 96 orang siswa guru muslim, semester 1, PPISMP yang menjawab soal selidik ini. Dapatan kajian mendapati seramai 13 orang yang bacaan al-Quran yang baik, 23 orang yang memuaskan, 37 orang yang sederhana dan seorang sahaja yang lemah. Walau bagaimanapun peserta

kajian yang berminat dan bersedia untuk menyertai kajian ini hanya 11 orang sahaja yang penguasaan mereka pada tahap sederhana. Dapatan daripada soal selidik *google form* tersebut seperti lampiran B.

Implikasi tidak menguasai hukum tersebut menyebabkan bacaan al-Quran tidak mengikut hukum tajwid yang betul. Apabila bacaan al-Quran tidak mengikut hukum tajwid yang betul maka akan memberi kesan kepada maksud bacaan al-Quran dan hukumnya berdosa kerana tidak mengikut bacaan yang betul sebagaimana yang diajar oleh Rasulullah SAW.

Oleh yang demikian, pengkaji bertanggungjawab untuk menjalankan kajian ini dengan melaksana dua aktiviti utama iaitu kelas tajwid dan bimbingan rakan untuk memastikan 11 orang siswa guru tersebut dapat menguasai hukum nun mati dan tanwin dalam tempoh yang terhad iaitu seminggu sahaja.

### Objektif Kajian

Objektif kajian adalah:

- i. mengenal pasti faktor aktiviti kelas tajwid yang dapat meningkatkan penguasaan hukum nun mati dan tanwin bagi siswa guru Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di IPGKIK.
- ii. mengenal pasti faktor aktiviti bimbingan rakan yang dapat meningkatkan penguasaan hukum nun mati dan tanwin bagi siswa guru Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di IPGKIK.

### Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes Tujuan kaedah kajian kes digunakan untuk mengkaji dan menjelaskan satu kelompok yang kecil secara mendalam. Menurut Meriam (1998), kaedah kajian kes ini dipilih kerana bersesuaian dengan objektif kajian dan untuk mendapatkan kefahaman mendalam tentang sesuatu situasi yang terlibat melalui pandangan pengkaji. Hal ini disokong oleh Creswell (2003), yang menyatakan kajian kes juga merupakan strategi reka bentuk kajian yang paling berkesan kerana memiliki ciri-ciri kesahan yang tinggi. Sabitha Marican (2009), pula menegaskan, kajian kes melibatkan pengumpulan maklumat untuk memahami sesuatu entiti yang dikaji. Maklumat yang dikumpulkan mungkin tentang seseorang individu, organisasi, dan situasi. Contohnya, kajian kes klinikal ataupun sekumpulan manusia yang mempunyai ciri-ciri yang sama ataupun tentang sesuatu situasi, iaitu tingkah laku yang tidak dijangka atau tidak jelas dijadikan sebagai fokus kajian. Seterusnya Guba dan Lincoln (1981), pula menyatakan kajian kes bertujuan memahami hal-hal yang sebenar, realiti sosial dan persepsi guru yang wujud, tanpa diganggu oleh pengukuran formal atau soalan-soalan yang ditentukan terlebih awal. Burns R.B. (2000), pula merumuskan kajian kes juga memiliki kekuatan berbanding dengan metodologi kajian lain kerana berasaskan realiti sebenar. Sehubungan dengan itu, pemilihan kajian ini sebagai kajian kes amat bersesuaian kerana bertujuan untuk mengkaji aktiviti kelas tajwid dan bimbingan rakan dapat meningkatkan penguasaan hukum nun mati dan tanwin bagi siswa guru PPISMP di IPGKIK.

## Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 6 orang subjek kajian yang merupakan siswa guru semester 1, Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP)ambilan Julai 2018 yang telah mengikuti kelas tajwid dan bimbingan rakan dapat meningkatkan penguasaan hukum nun mati dan tanwin bagi siswa guru Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di IPGKIK.

## Instrumen Pengumpulan Data

Instrumen kajian ini menggunakan protokol temu bual separa berstruktur berasaskan kepada objektif kajian ini. Satu set protokol telah disediakan untuk mendapatkan maklumat. Kaedah pengumpulan data kajian ini adalah dengan menemu bual enam orang siswa guru semester 1, Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP)ambilan Julai 2018 yang telah mengikuti kelas tajwid dan bimbingan rakan.

## Analisis Data

Seterusnya pengkaji menganalisis hasil temu bual secara kualitatif untuk mengenal pasti tema-tema yang wujud daripada persoalan-persoalan kajian tersebut.

## Dapatan Kajian

Dapatan kajian di bawah ini akan dibincangkan satu persatu berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini.

### **Dapatan 1: Faktor-faktor aktiviti kelas tajwid yang dapat meningkatkan penguasaan hukum nun mati dan tanwin bagi siswa guru Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di IPGKIK**

Terdapat tiga faktor aktiviti kelas tajwid yang dapat meningkatkan penguasaan hukum nun mati dan tanwin bagi siswa guru PPISMP di IPGKIK. Faktor pertama ialah dapat menambah ilmu tentang hukum nun mati dan tanwin. Hal ini jelas melalui kata-kata subjek kajian 2 yang menyatakan, “persepsi saya terhadap aktiviti kelas tajwid ialah dapat menambahkan ilmu dan pengetahuan hukum nun mati dan tanwin dengan lebih mendalam.”

Seterusnya faktor kedua pula dapat membantu untuk membaca al-Quran dengan betul kerana dapat mengaplikasikan hukum nun mati dan tanwin. Perkara ini dapat difahami berdasarkan kata-kata subjek kajian 1, “Persepsi saya terhadap aktiviti kelas tajwid yang dapat meningkatkan penguasaan hukum nun mati dan tanwin ialah aktiviti ini berjaya membantu pelajar terutamanya pelajar seperti saya yang cepat lupa tentang hukum nun mati dan tanwin serta dapat membantu saya membaca al quran berdasarkan penggunaan hukum nun mati dan tanwin yang betul.” Subjek kajian 2 juga menyatakan, “aktiviti kelas tajwid ini juga dapat membantu saya untuk membaca al-Quran dengan tajwid yg betul.” Begitu juga subjek kajian 3 menyatakan “Ia sangat membantu saya dalam mengaplikasikan ketika membaca al-Quran”. Faktor ini juga disokong oleh subjek kajian 5 yang menjelaskan, “Jadi bacaan al Quran saya menjadi semakin baik.” Seterusnya subjek kajian 6 menyatakan, “tapi selapas saya join kelas tajwid ni, saya jadi macam dah mahir...boleh tahu la kalau bila ghunnan bacaannya macam ni macam tu, dengung apa semua haa...jadi macam dah boleh aplikasi dah boleh apply apa yang saya belajar.”

Faktor ketiga pula dapat memperbaiki bacaan al-Quran. Perkara ini jelas seperti kata-kata subjek kajian 3 yang mengatakan, “dapat memperbaiki cara bacaan yang betul ketika membaca al-Quran. Begitu juga bagi subjek kajian 5 turut menyatakan, “Pada saya, kelas tajwid ini sangat

berkesan untuk mengingatkan dan memperbetulkan kembali bacaan al Quran mengikut bacaan yang betul.”

Rumusannya terdapat tiga faktor aktiviti kelas tajwid yang dapat meningkatkan penguasaan hukum nun mati dan tanwin bagi siswa guru Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di IPGKIK iaitu dapat menambah ilmu tentang hukum nun mati dan tanwin, membantu untuk membaca al-Quran dengan betul kerana dapat mengaplikasi hukum nun mati dan tanwin, dan memperbaiki bacaan al-Quran.

**Dapatan 2: Faktor-faktor aktiviti bimbingan rakan yang dapat meningkatkan penguasaan hukum nun mati dan tanwin bagi siswa guru Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di IPGKIK.**

Terdapat lima faktor aktiviti bimbingan rakan yang dapat meningkatkan penguasaan hukum nun mati dan tanwin bagi siswa guru Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di IPGKIK. Faktor pertama ialah dapat membetulkan bacaan al-Quran. Hal ini jelas melalui kata-kata subjek kajian 1 yang menyatakan, “rakan dapat membantu membetulkan bacaan al-Quran saya dengan tajwid yang betul contohnya rakan saya menyemak dan membetulkan cara bacaan al quran saya supaya saya dapat mengenal pasti kesalahan tajwid saya.” Subjek 3 juga mengatakan, “Apabila melakukan kesilapan dalam pembacaan hukum tersebut, rakan tersebut dapat membetulkan kesalahan secara tidak langsung.”

Seterusnya faktor kedua pula dapat belajar cara menggunakan hukum tajwid dengan betul. Perkara ini jelas berdasarkan kata-kata subjek kajian 1, “belajar menggunakan tajwid dengan betul.” Subjek kajian 2 juga menyatakan, “saya juga boleh tasmik bacaan Al Quran mengikut tajwid yang betul dengan bimbingan rakan.” Begitu juga subjek kajian 3 menyatakan “Persepsi saya aktiviti bimbingan rakan adalah dapat belajar dengan lebih mudah kerana belajar secara bertemu muka. Kaedah nya dengan membaca ayat yang mempunyai hukum nun mati dan tan win untuk mengetahui adakah cara bacaan yang betul.”

Faktor ketiga pula dapat mengingat hukum tajwid bersama. Perkara ini dapat difahami seperti kata-kata subjek kajian 1 yang mengatakan, “Selain itu, ianya dapat bersama membantu mengingatkan antara satu sama lain (saya dan rakan) tentang penggunaan hukum tajwid yang betul.” Begitu juga bagi subjek kajian 5 turut menyatakan, “Bimbingan rakan sangat membantu dalam mengingatkan dan memahami hukum tajwid. Misalnya, melalui latihan bertulis rakan membantu dgn menjelaskan ciri-ciri yang terdapat dalam sesuatu hukum. Rakan juga berkongsi tips untuk menghafal hukum tajwid.”

Faktor keempat juga dapat bertanya soalan dan penerangan tentang hukum tajwid beserta contoh daripada rakan. Hal ini jelas seperti kata-kata subjek kajian 2 yang mengatakan, “Pada pendapat saya, aktiviti bimbingan rakan dalam kelas tajwid amat penting kerana saya boleh menanyakan soalan atau ketidakpastian tentang hukum nun mati dan tanwin dengan mudah... dengan bimbingan rakan juga mereka menerangkan hukum nun mati dan tanwin serta mereka juga menunjukkan contoh ayat al-Quran yang terdapat hukum nun mati dan tanwin.”

Seterusnya faktor kelima dapat merapatkan hubungan dan selesa untuk belajar bila-bila masa. Perkara ini seperti pernyataan subjek kajian 1, “Keakraban hubungan antara rakan dan pelajar menjadikan pembelajaran ilmu baharu semakin mudah. Selain itu, pelajar dapat memanfaatkan masa bukan sahaja diwaktu kelas malah diwaktu lain kerana siswa guru masing-masing tinggal di asrama yang sama, jadi tiada masalah utk mereka mengulangkaji pembelajaran bersama-sama diluar waktu belajar.” Subjek kajian 6 pula menjelaskan, “...aktiviti rakan bimbingan, bagi saya ni langkah paling ok, sebab rakan ni buat kita lagi selesa, kalau kita tak faham, kita boleh *direct* terus tanya kat dia. Kita maklum kalau kita dengan member ni mudah nak *contact*, nak *communicate*, jadi kalau macam rakan bimbingan ni paling ok la, paling berkesan nak buat aktiviti tajwid.” Begitu juga pendapat subjek

kajian 5 menyatakan, “Bimbingan rakan dpt diberikan pada bila-bila masa sahaja. Jadi mudah untuk saya belajar. Contohnya selepas maghrib saya akan memperdengarkan bacaan al-Quran dan dibetulkan oleh rakan bersama penerangan hukum tajwid yg betul.”

Rumusannya terdapat lima faktor bimbingan rakan dapat meningkatkan penguasaan hukum nun mati dan tanwin bagi siswa guru Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di IPGKIK iaitu dapat membetulkan bacaan al-Quran, belajar cara menggunakan hukum tajwid dengan betul, mengingat hukum tajwid bersama, bertanya soalan dan penerangan tentang hukum tajwid beserta contoh daripada rakan dan merapatkan hubungan dan selesa untuk belajar bila-bila masa.

## **Perbincangan dan Implikasi**

### **Perbincangan**

Aktiviti kelas tajwid dapat meningkatkan penguasaan hukum nun mati dan tanwin kerana dapat menambah ilmu tentang hukum nun mati dan tanwin, membantu untuk membaca al-Quran dengan betul kerana dapat mengaplikasi hukum nun mati dan tanwin serta memperbaiki bacaan al-Quran. Hal ini amat bertepatan dengan dapatan kajian dijalankan di IPG kampus iaitu kajian yang dilakukan oleh Mustapha Kamal Ahmad Kassim dan Zahiah Haris @ Harith (2016) bertujuan untuk melihat persepsi pelajar Program Pelajar Cemerlang (PPC) Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI),ambilan Januari 2015 terhadap kepentingan mempelajari ilmu tajwid di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) ialah dapat memperbaiki bacaan al-Quran, dan mengelak daripada makna al-Quran terpesong maknanya jika tidak dibaca dengan hukum tajwid yang betul. Ini jelas menunjukkan setiap orang Islam wajib mempelajari ilmu tajwid dan hal ini bertepatan dengan kajian Mohd Fadzullah (2007) juga mendapati 97.2% responden bersetuju bahawa setiap orang islam wajib mempelajari hukum tajwid.

Seterusnya aktiviti bimbingan rakan dapat meningkatkan penguasaan hukum nun mati dan tanwin kerana dapat membetulkan bacaan al-Quran, belajar cara menggunakan hukum tajwid dengan betul, mengingat hukum tajwid bersama, bertanya soalan dan penerangan tentang hukum tajwid beserta contoh daripada rakan dan merapatkan hubungan dan selesa untuk belajar bila-bila masa. Perkara ini selari dengan dapatan kajian Mustapha Kamal Ahmad Kassim dan Zahiah Haris @ Harith (2016) tentang cadangan untuk meningkatkan kefahaman ilmu tajwid dengan mengaplikasi kaedah talaqqi musyafahah dan tiktir (latih tubi) dalam proses pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid al-Quran antara pelajar dengan pensyarah. Amat bertepatan dengan kajian ini yang mengaplikasi kaedah talaqqi mushafahah melalui aktiviti bimbingan rakan iaitu rakan yang lebih menguasai ilmu tajwid membimbing rakan yang kurang menguasai ilmu tajwid. Aktiviti bimbingan bukan terhad kepada rakan tetapi ibu bapa juga berperanan membimbing seperti dapatan kajian Mohamad Abdullah (2005) dalam Mohd Abbas dan Farihatun Nadia (2010) yang menjelaskan bahawa ibu bapa sepatutnya turut sama membaca al-Quran bersama anak-anak. Ini akan memberikan dorongan dan galakan kepada anak-anak untuk membaca dan mempelajari al-Quran. Di samping itu, ibu bapa mengambil peluang ini untuk membetulkan kesilapankesilapan semasa anak mereka membaca al-Quran. Seterusnya dapat menilai prestasi bacaan anak mereka.

Penerusan aktiviti kelas tajwid dan bimbingan rakan perlu dilaksanakan selepas ini agar dapat membantu siswa guru untuk menguasai semua hukum tajwid dan mengaplikasikannya dalam bacaan al-Quran dengan betul dan tepat. Cadangan penambahbaikan yang dijelaskan hendaklah diberi perhatian untuk memastikan masalah ini dapat diselesaikan dengan baik.

## Implikasi

Implikasi daripada dapatan kajian ini, beberapa pihak berkenaan sepatutnya memberi perhatian iaitu:

- i. pihak pentadbir di semua IPG disarankan agar memberi sokongan kepada Jabatan Pendidikan Islam dan Moral di IPG Kampus untuk melaksanakan aktiviti kelas tajwid dan bimbingan rakan untuk meningkatkan penguasaan hukum nun mati dan tanwin. Hal ini kerana kedua-dua aktiviti tersebut dapat membantu siswa guru secara langsung untuk mengingat dan menguasai hukum nun mati dan tanwin.
- ii. para pensyarah Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) hendaklah sentiasa mengenal pasti penguasaan hukum nun mati dan tanwin dalam kalangan siswa guru di IPG Kampus agar mereka dapat diberikan aktiviti yang bersesuaian seperti kelas tajwid dan bimbingan rakan agar siswa guru menguasai ilmu tajwid yang asas dan banyak terdapat dalam al-Quran.

## Cadangan

- i. Kelas tajwid dicadangkan untuk dilaksanakan secara berkala seminggu sekali. Dicapangkan untuk mewujudkan bilik khas untuk pengajaran al-Quran dan ilmu tajwid yang dilengkapi dengan komputer meja, cakera padat audio-visual yang berkaitan dengan bacaan al-Quran imam-imam antarabangsa dan pengajaran ilmu tajwid supaya kepelbagaian aktiviti dan teknik pengajaran dapat dilaksanakan.
- ii. Bimbingan rakan sewajarnya diteruskan agar penguasaan hukum nun mati dan tanwin lebih mantap dan dapat diaplikasi semasa membaca al-Quran dengan betul dan tepat. Kekekapan aktiviti ini dicadangkan untuk dilaksanakan sebanyak tiga kali seminggu. Penggunaan buku khas dan buku latihan yang berkaitan dengan ilmu tajwid perlu dipraktikkan dalam aktiviti ini. Wujudkan kelas yang lebih santai dan kondusif supaya setiap kumpulan dapat memberi fokus kepada pembimbing tanpa gangguan daripada kumpulan kecil yang lain.

## Rumusan

Secara keseluruhannya, rumusan kajian ini jelas menunjukkan bahawa kelas tajwid dan bimbingan rakan dapat meningkatkan penguasaan hukum nun mati dan tanwin dalam kalangan siswa guru PPISMP di IPGKIK. Oleh itu aktiviti kelas tajwid dan bimbingan rakan ini sewajarnya diteruskan. Pihak berkaitan seperti pihak pentadbir dan pensyarah JAPIM hendaklah mengambil perhatian dan tindakan agar penguasaan hukum nun mati dan tanwin khususnya dan ilmu tajwid umumnya dapat direalisasikan.

## Rujukan

- Burns R.B. (2000). *Introduction to Research Method*. (4<sup>th</sup> Ed.) Kuala Lumpur: Longman.
- Creswell J. W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approach*. Thousands Oaks, CA: Sage Publication.
- Guba, E.G. & Lincoln, Y.S. (1981). *Effective Evaluation*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Meriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study: application in educations, revised and expended from case study research in education*. San Francisco: Jossey-Bass.

- Sabitha Marican. (2009). *Kaedah Pengkajian Sains Sosial*. Malaysia: Pearson Malaysia, Sdn. Bhd.
- Farehan Mohd Hani. (2000). *Kelemahan membaca nun Sakinah di kalangan pelajar Tingkatan 3 di sebuah sekolah Menengah di Daerah Petaling*. Tesis tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohd Abbas Abdul Latiff & Farihatun Nadia Binti Yaacob. (2010). Persepsi Pelajar Terhadap Program Membudayakan Al-Qurandalammeningkatkanahapkeupayaan Pembacaan Al-Quran Mengikut Hukum Tajwid. Satu Kajian Di Smk Dato Bentara Luar. *Academia.Edu*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Dicapai pada Mei 9, 2019 dari [https://s3.amazonaws.com/academia.edu.documents/40371155/PERSEPSI\\_PELAJAR\\_TERHADAP\\_PROGRAM\\_MEMBUDAYAKAN.pdf?AWSAccessKeyId=AKIAIWOWYYGZ2Y53UL3A&Expires=1557363691&Signature=LCsQmIY4r8owOAY4Jz2e%2F3sTjCk%3D&response-content-disposition=inline%3B%20filename%3DPERSEPSI\\_PELAJAR\\_TERHADAP\\_PROGRAM\\_MEMBUD.pdf](https://s3.amazonaws.com/academia.edu.documents/40371155/PERSEPSI_PELAJAR_TERHADAP_PROGRAM_MEMBUDAYAKAN.pdf?AWSAccessKeyId=AKIAIWOWYYGZ2Y53UL3A&Expires=1557363691&Signature=LCsQmIY4r8owOAY4Jz2e%2F3sTjCk%3D&response-content-disposition=inline%3B%20filename%3DPERSEPSI_PELAJAR_TERHADAP_PROGRAM_MEMBUD.pdf).
- Mohd Fadzlullah Taifor @ Taipur. (2007). *Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Hukum Tajwid dalam Pembelajaran al-Quran di Sekolah Rendah Agama Kampong Jawa, Klang, Selangor*.: Laporan Projek tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bharu, Kuala Lumpur.
- Mustapha Kamal Ahmad Kassim dan Zahiah Haris @ Harith. (2016). Persepsi Pelajar Program Pelajar Cemerlang Diploma Pendidikan Lepas Ijazah Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur Terhadap Kepentingan Mempelajari Ilmu Tajwid Al-Quran. *Jurnal Penyelidikan Tempawan*. Jilid XXXIII. 23-31.
- Nur Zahin Kasnin dan Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2017). Proses asimilasi nasal dalam hukum tajwid dengan bahasa melayu dan inggeris. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 12, No. 3 (2017), 033 ISSN: 1823-884x. 1-16. Dicapai pada September 19, 2018 dari [http://www.myjurnal.my/filebank/published\\_article/59554/31.pdf](http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/59554/31.pdf).
- Sarin Talib (1995). *Persepsi guru pendidikan islam di negeri selangor terhadap mutu buku teks Pendidikan Islam tingkatan satu KBSM*. Tesis tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Yakub @ Zulkifli Haji Mohd Yusoff dan Saidi Mohd. (2008). *Keupayaan bacaan al-quran di kalangan pelajar tingkatan empat: kajian di beberapa buah sekolah menengah terpilih di negeri terengganu*. Tesis tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.